

01 SEP 2003

Elektrik-putus (UPDATE2)

GANGGUAN ELEKTRIK DI LIMA NEGERI PULIH MENJELANG 2 PETANG

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Negeri-negeri di utara Semenanjung serta Kelantan mengalami gangguan elektrik pagi ini tetapi bekalan berjaya dipulihkan sepenuhnya menjelang 2 petang.

Bekalan terputus sejak 10 pagi, dan sehingga tengah hari, 90 peratus kawasan di Kelantan, Perlis dan Kedah termasuk di Langkawi, mendapat semula bekalan dan menjelang 2 petang, bekalan ke semua kawasan terbabit termasuk di Pulau Pinang dan Perak, dipulihkan sepenuhnya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Pian Sukro berkata gangguan adalah berkaitan dengan sistem penghantaran dan bukan disebabkan oleh kekurangan kapasiti atau sabotaj.

Sambil meminta maaf kepada pengguna, Pian berkata kapasiti bekalan TNB sebenarnya lebih daripada mencukupi untuk bekalan di seluruh negara tetapi gangguan pada hari ini disebabkan masalah kepada sistem penghantaran.

Beliau memberitahu pemberita di ibu pejabat TNB di sini bahawa pada hari-hari cuti seperti hari ini, TNB mengambil kesempatan membuat kerja penyenggaraan kerana permintaan untuk bekalan elektrik biasanya rendah pada hari-hari cuti.

Apabila kerja penyenggaraan dibuat pada satu daripada dua talian penghantaran hari ini, satu lagi talian penghantaran yang menjadi "standby" telah terpelantik menyebabkan gangguan berlaku.

Beliau berkata TNB masih menyiasat punca gangguan itu.

Pengerusi TNB Datuk Dr Awang Adek Hussin memberitahu pemberita kemudiannya bahawa gangguan itu disebabkan "kegagalan talian penghantaran" antara Bukit Beruntung di Selangor dan Batu Gajah di Perak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berada di Langkawi pagi ini, telah mengarahkan TNB mengkaji punca kejadian itu bagi memastikan ia tidak berulang lagi pada masa depan.

Dr Awang Adek berkata bekalan ke negeri-negeri di utara telah disalurkan semula menerusi grid utara dan gangguan tidak seharusnya berlaku lagi.

"Saya ingin menyatakan bahawa semasa ia berlaku, kami berjaya mengawal masalah itu, jadi kami lega kerana kejadian mungkin lebih buruk lagi," katanya.

Terdapat laporan mengenai bekalan yang putus di beberapa tempat di Lembah Klang tetapi menurut Pian, gangguan ini bukan disebabkan kejadian terpelantik yang besar tetapi mungkin berpunca daripada masalah setempat.

Beliau juga menjelaskan bahawa gangguan bekalan yang berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang tidak ada kaitan dengan kejadian hari ini kerana ia mendapat bekalan tenaga daripada pembekal lain manakala TNB hanya merupakan pembekal 'standby' kepada lapangan terbang itu.

Gangguan di KLIA memaksa penjadualan semula empat penerbangan domestik dan dua penerbangan antarabangsa, kata pengurus besar KLIA Berhad Abdul Hamid Mohamed Ali.

Empat penerbangan domestik itu ialah MH2610 ke Kota Kinabalu, MH2702 (Kota Kinabalu-Sandakan-Miri), MH1326 (Kuala Terengganu) dan MH1438 (Langkawi) manakala dua penerbangan antarabangsa itu adalah MH4 ke London dan SQ107.

Di PULAU PINANG, bekalan elektrik di seluruh negeri itu yang terganggu sejak pukul 10 pagi pulih sepenuhnya menjelang pukul 2 petang.

Jurucakap TNB Pulau Pinang memberitahu Bernama bahawa TNB masih memantau keadaan bagi memastikan tiada sebarang masalah teknikal ekoran

penyaluran semula bekalan elektrik itu.

Jabatan Bomba dan Penyelamat menerima lebih 20 panggilan meminta bantuan akibat orang terperangkap dalam lif.

Di KANGAR, bekalan elektrik yang terputus sejak 10 pagi, kembali pulih pada 1 tengah hari tanpa menimbulkan banyak kesulitan kepada pengguna.

Jalan raya juga tidak sesak manakala stesen-stesen minyak beroperasi menggunakan tenaga daripada generator.

Di ALOR STAR, bekalan elektrik yang terputus di bandar itu sejak pukul 9 pagi pulih sepenuhnya kira-kira pukul 2 petang.

Jabatan-jabatan kerajaan yang terpaksa menangguhkan operasi masing-masing ekoran gangguan itu meneruskan perkhidmatan sebaik sahaja bekalan elektrik itu disambung semula.

Di pekan Kulim, bekalan elektrik pulih sepenuhnya pada pukul 12.50 tengah hari dan Langkawi 12.10 tengah hari.

Di PERAK, bekalan elektrik yang terputus sejak 10 pagi kembali pulih pada 12.15 tengah hari tadi secara beransur-ansur melainkan di beberapa tempat di daerah Hulu Perak yang agak lambat mendapat kembali bekalan.

Ketua Trafik Perak, Supt Hamza Taib berkata 450 anggota polis trafik telah ditugaskan mengawal lalulintas di seluruh negeri ketika gangguan elektrik itu.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr Abdul Razak Kechik berkata operasi semua hospital di negeri itu tidak terjejas kerana semua hospital telah dilengkapi dengan sistem sandaran.

Di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon telah mengarahkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri meminta semua Pegawai Daerah membuka pusat operasi masing-masing sebagai langkah bersiap sedia untuk memberi sebarang bantuan atau maklumat kepada orang awam semasa kejadian itu.

Katanya beliau juga telah mengarahkan pengurusan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk menghubungi semua syarikat perindustrian di kawasan Zon Perindustrian Bebas di negeri itu bagi membantu mengatasi sebarang kesulitan yang timbul akibat gangguan bekalan elektrik itu.

Bekalan elektrik yang terputus itu menyebabkan kesesakan lalulintas yang teruk di Georgetown.

Dalam satu kenyataan di sini, Pengerusi DAP Lim Kit Siang, meminta TNB membayar pampasan kepada mereka yang mengalami kerugian akibat gangguan elektrik itu.

-- BERNAMA  
AZE AZZ MAI